

SABIHAH BINTI JOHAN

SARJANA SAINS

2016

**KEBERKESANAN TERAPI SENI EKSPRESIF TERHADAP
KEMURUNGAN, KEBIMBANGAN, TEKANAN DAN
KEMARAHAN REMAJA DELINKUEN**

SABIHAH BINTI JOHAN

**SARJANA SAINS
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
2016**

**KEBERKESANAN TERAPI SENI EKSPRESIF TERHADAP
KEMURUNGAN, KEBIMBANGAN, TEKANAN DAN KEMARAHAN
REMAJA DELINKUEN**

SABIHAH BINTI JOHAN

**Tesis ini Dikemukakan Bagi Memenuhi Syarat untuk Memperoleh
Ijazah Sarjana Sains di Pusat Pengajian Pembangunan Sosial dan Ekonomi
Universiti Malaysia Terengganu**

Mei 2016

Abstrak yang dikemukakan kepada Senat Universiti Malaysia Terengganu
Sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Sarjana Sains

**KEBERKESANAN TERAPI SENI EKSPRESIF TERHADAP
KEMURUNGAN, KEBIMBANGAN, TEKANAN DAN KEMARAHAHAN
REMAJA DELINKUEN**

SABIHAH BINTI JOHAN

Mei 2016

Penyelia Utama : Sh Marzety Adibah Al Sayed Mohamad, Ph.D.

Penyelia Bersama : Profesor Madya Sabri Bin Ahmad, Ph.D.

Pusat Pengajian : Pusat Pengajian Pembangunan Sosial dan Ekonomi

Terapi seni ekspresif merupakan satu platform penerokaan secara kreatif sebagai proses penyembuhan dalam perhubungan menolong. Tidak banyak kajian dijalankan bagi melihat keberkesanan penggunaannya di Malaysia. Tujuan kajian ini ialah untuk mengenalpasti perbezaan tahap kemurungan, kebimbangan, tekanan, dan kemarahan antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Keberkesanan terapi seni ekspresif untuk melegakan kemurungan, kebimbangan, tekanan, dan kemarahan terhadap remaja delinkuen dalam kumpulan rawatan juga ditentukan. Reka bentuk kuasi-eksperimen dengan kaedah ujian pra dan pasca digunakan dalam kajian ini. Seramai 84 orang remaja delinkuen yang tinggal di institusi pemulihan akhlak, berumur daripada 14 hingga 21 tahun dipilih menggunakan pensampelan bertujuan. *Depression Anxiety Stress Scale (DASS)* and *Clinical Anger Scale (CAS)* digunakan untuk mengukur pembolehubah bersandar dan disokong oleh analisis dokumen. Hasil kajian menunjukkan tiada perbezaan signifikan antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan bagi pembolehubah kemurungan. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan ketara antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan bagi pembolehubah kebimbangan, tekanan, dan kemarahan. Hasil kajian juga mendapati

terdapat pengurangan ketara kesan kemurungan, kebimbangan, tekanan, dan kemarahan dalam kumpulan rawatan. Implikasi kajian dibincangkan dari aspek teori, profesional kaunseling, para penyelidik lain dan pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat. Secara ringkasnya, terapi seni ekspresif merupakan alternatif untuk meluahkan perasaan terpendam dan suatu medium komunikasi yang berkesan.